

Universiti Malaysia Pahang sasar 300 pensyarah PhD 2010

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) meletakkan sasaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada 300 pensyarahnya memiliki kelulusan doktor falsafah (PhD) sebelum 2010, kata Naib Canselornya, Datuk Prof Dr Mohamed Said Mat Lela.

Beliau berkata, pada masa ini hanya tujuh peratus atau kira-kira 20 pensyarah di universiti berkenaan sudah memiliki kelulusan PhD, manakala kira-kira 40 pensyarah lagi sedang mengikuti pengajian berkenaan di luar negara.

Katanya, langkah meningkatkan kualiti pensyarah di UMP adalah antara usaha yang dilakukan pihaknya untuk menjadikan universiti berkenaan pilihan utama pelajar dari dalam dan luar negara, mengikuti pengajian dalam bidang petrokimia, industri sumber asli, pembuatan, industri pemprosesan dan automotif.

"Bermula tahun ini, saya mahu semua fakulti merancang secara rapi pembangunan kerjaya pensyarah dengan mendedahkan mereka kepada latihan dan kursus untuk meningkatkan kemahiran.

Selain itu, pensyarah juga perlu ada PhD, melakukan penyelidikan bergeran dan menerbitkan artikel secara berkala kerana lebih ramai pensyarah UMP dikenali di kalangan ahli akademik, lebih mudah untuk kita menjual kepakaran yang ada.

"UMP juga kini memiliki dua pensyarah berkelulusan PhD dari Jordan dan Iraq dalam usaha memancing pelajar dari negara berkenaan belajar di sini," katanya di sini semalam.

Sementara itu, Mohamed Said berkata kampus induk UMP di Kuala Pahang, Pekan akan digunakan sebagai tempatnya bagi menempatkan dua fakulti iaitu Mekanikal dan Elektrik membabitkan 2,000 pelajar pada 2009.

Beliau berkata, pemindahan keseluruhan fakulti dan pelajar ke kampus induk UMP yang mampu menampung 15,000 pelajar hanya boleh dilakukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

"Sebenarnya, kampus UMP di Gambang sekarang berada di tahap kritikal kerana kemasukan Julai ini

akan menjadikan jumlah keseluruhan pelajar kita mencecah 5,000 orang.

"Ini menyebabkan keadaan sesak tetapi kita berusaha menambah beberapa bangunan baru bagi menampung pertambahan pelajar berkenaan," katanya.

Beliau berkata, peningkatan kemasukan pelajar ke UMP berikutan kursus yang ditawarkan memenuhi pasaran kerja semasa yang jumlahnya semakin kritikal sekarang.

"Ini terbukti apabila lebih 90 peratus lulusan pertama UMP yang tamat pengajian pada Ogos tahun lalu, sudah bekerja kerana kelulusan yang mereka miliki itu sememangnya diperlukan sektor industri," katanya.

FAKTA NOMBOR

Statistik pelajar UMP

15,000

Pelajar di kampus induk

2,000

Pelajar Fakulti Mekanikal dan Elektrik di Kuala Pahang

5,000

Pelajar kemasukan Julai di UMP Gambang

90%

Lulusan pertama Ogos lalu sudah bekerja dalam pelbagai sektor industri

Amiruljumaat / 30 Mac 2007